

28 JUL 1997

Asean-AS (Matawang)

AMERIKA MENGELUARKAN KENYATAAN KHAS MEMPERTAHANKAN SOROS

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Amerika Syarikat (AS) hari ini menolak dakwaan yang jutawan dari negara itu George Soros sebagai dalang di sebalik kegiatan spekulasi matawang beberapa negara Asean.

Di sebaliknya, ia mempertahankan pendiriannya yang pergerakan pasaran tidak dikuasai oleh sebilangan kecil spekulator, apatah lagi oleh seorang individu yang dikatakan sebagai warga AS.

"Kita lebih memilih untuk tidak mengulas di sini mengenai keadaan matawang. Isu matawang ini lebih kepada dialog bagi Menteri-menteri Kewangan dan Ekonomi," kata Setiausaha Rendah AS bagi Hal Ehwal Ekonomi, Perniagaan dan Pertanian Stuart Eizenstat dalam satu kenyataan khas mengenai penurunan nilai matawang di Persidangan selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC), di sini, hari ini.

Beliau berkata, bagaimanapun sejak ia telah dimasukkan dalam ucapan pembukaan dengan kenyataan yang mendakwa "sabotaj", delegasi AS berpendapat ia perlu membuat kenyataan ringkas.

"Menyalahkan spekulator atas kejadian itu tidak disokong oleh bukti," kata beliau.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu lepas menamakan George Soros sebagai orang yang bertanggungjawab menimbulkan keadaan huru hara dalam pasaran matawang Asia Tenggara dan menyifatkan orang yang menjejaskan ekonomi negara-negara miskin sebagai penjenayah juga, sama seperti mereka yang mengeluarkan dan mengedarkan dadah kerana mereka mahu memusnahkan negara.

Eizenstat berkata, dakwaan yang sama dibuat semasa krisis mata wang di Eropah pada 1992 dan seterusnya analisis kejadian itu menunjukkan spekulasi tidak memainkan peranan dalam turun-naik nilai mata wang.

Kajian yang lebih kurang sama mengenai krisis peso di Mexico, kata beliau menunjukkan yang aliran keluar modal bukan disebabkan oleh aktiviti spekulator.

"Apabila anda mempunyai pasaran modal cair dan terbuka sudah pasti orang akan berdagang dalam pasaran itu. Dengan membenarkan mereka berdagang dalam pasaran itu mereka dapat mengambil kesempatan daripada trend tetapi mereka tidak mempunyai kebolehan untuk menyebabkan trend itu," kata beliau.

Eizenstat berkata, pasaran modal terbuka adalah penting bagi ekonomi-ekonomi seperti dalam Asean, seperti yang dibuktikan dalam sejarah luar biasanya dan kejayaan ekonominya yang membanggakan.

"AS banyak menyokong Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam memberi bantuan dalam krisis seperti itu dan baru-baru ini, bagi sebuah negara anggota Asean, AS menyokong usaha IMF bagi menyediakan peruntukan kecemasan untuk menyokong mata wang negara itu," kata beliau.

"Keadaan kucar-kacir seperti ini memang berlaku dalam pasaran-pasaran. Mereka boleh membawa kesan yang serius, tetapi kita tidak percaya yang kesan itu hanya disebabkan oleh aktiviti spekulator," kata beliau.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Negara AS, Nicholas Burns memberitahu pemberita selepas sesi dialog Asean-AS, adalah tidak wajar menyalahkan seorang individu kerana masalah itu.

"Adalah tidak wajar untuk mempersalahkan seseorang memandangkan turun naik mata wang secara langsung sama ada di AS, Mexico, Eropah Timur ataupun di Asia, adalah disebabkan oleh kuasa-kuasa ekonomi dan bukan oleh seseorang individu," kata beliau.

"George Soros ialah orang yang dihormati dan telah banyak menyumbangkan

kebaikan. Dan adalah tidak adil untuk menyalahkan seorang individu terhadap apa yang disebabkan oleh kuasa-kuasa ekonomi," kata beliau. -- BERNAMA
ZAB JK PR